

PENELITIAN KONSEP KESALAHAN BAHASA DARI PERSPEKTIF SARJANA BARAT

Abdul Hamid Moiden
abdulhamied6@gmail.com

Jessica Ong Hai Liaw
jessica@upnm.edu.my

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini menyelidik konsep kesalahan bahasa dari perspektif sarjana Barat. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan. Metode analisis dokumen digunakan untuk memperincikan pandangan sarjana Barat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penutur bahasa pertama dan penutur bahasa kedua melakukan kesalahan bahasa. Hasil kajian menjelaskan bahawa kesalahan bahasa dalam penulisan mahupun pertuturan tidak dapat dielakkan oleh penutur bahasa pertama dan bahasa kedua. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kesalahan bahasa dapat dikurangkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran bahasa secara teratur dan sistematik.

Kata Kunci : *kesalahan bahasa, sarjana Barat*

PENGENALAN

Bahasa merupakan alat komunikasi utama manusia. Alat komunikasi ini unik kerana mempunyai satu sistem dan pola yang tersusun kemas. Bahasa mengalami perubahan mengikut peredaran zaman. Ini menjadikan bahasa sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman seiring perkembangan sains dan teknologi. Sehingga hari ini, pengajaran dan pembelajaran bahasa dititikberatkan di sekolah dan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia. Manusia berkomunikasi secara lisan dan tulisan dengan menjadikan bahasa sebagai medium perantara. Penggunaan bahasa yang tepat mengikut situasi akan meningkatkan pemahaman pendengar atau pembaca. Bahasa yang kurang sempurna dan mengandungi banyak kesalahan bahasa menyebabkan kekangan dalam pemahaman sesuatu mesej secara terperinci. Kesalahan bahasa dan kesilapan bahasa adalah dua istilah yang banyak diperdebatkan oleh para sarjana bahasa. Kesalahan bahasa dikenali sebagai 'error' dan kesilapan bahasa pula digelar sebagai 'mistake'. Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan salah sebagai tidak benar, tidak betul, tidak tepat, tidak kena, tidak patut dan tidak baik. Silap pula ditakrifkan sebagai tidak memahami apa yang sebenarnya, salah yang tidak disengajakan, khilaf atau kekeliruan. Setiap pengguna bahasa sama ada penutur jati atau bukan jati tidak dapat mengelakkan kesalahan dan kesilapan bahasa.

Kesalahan bahasa boleh diklasifikasikan kesalahan kemampuan (*competence*). Kesalahan ini terjadi kerana kelemahan penutur atau penulis kerana mereka tidak dapat menguasai rumus-rumus bahasa dengan sempurna. Kesilapan bahasa pula dikenali sebagai kesalahan penampilan (*performance*) yang dipengaruhi faktor fizikal penulis seperti kepenatan, mengantuk, lupa, tekanan

perasaan dan bergegas untuk menyiapkan sesuatu tugas dengan cepat. Kesilapan ini terjadi bukan kerana mereka tidak mengetahui peraturan bahasa. Kesalahan penampilan juga dikenali sebagai *'slip of tongue'*. Gangguan fizikal atau emosi menyebabkan kesilapan ini berlaku.

Para sarjana barat seperti Corder, Ellis dan Selinker membahaskan kesalahan bahasa daripada beberapa perseptif. Para pengkaji bahasa menjadikan pendapat ketiga sarjana ini sebagai asas pengkajian bahasa. Di institusi pengajian tinggi, pendapat sarjana-sarjana ini dimasukkan ke dalam silibus pengajaran dan dikupas secara teoretikal dan ilmiah.

PENELITIAN KONSEP KESALAHAN BAHASA DARI PERSPEKTIF SARJANA BARAT

Ellis

Profesor Rod Ellis merupakan pakar bahasa yang terkenal dalam bidang kajian pemerolehan bahasa kedua. Profesor Ellis memperoleh Sarjana Pendidikan dari Universiti Bristol dan melanjutkan pengajiannya dalam bidang Doktor Falsafah di Universiti London. Beliau pernah berkhidmat sebagai profesor di England, Jepun, Amerika Syarikat, Zambia, Australia dan New Zealand. Universiti Auckland pernah melantik beliau sebagai Pengarah Institut Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. Beliau telah memenangi Anugerah Oxford University Duke of Edinburgh untuk kajiannya yang berjudul *'Study of Second Language Acquisition'*. Selain itu, beliau juga telah banyak menghasilkan buku teks dan rujukan untuk penerbit buku Prentice Hall dan Oxford University Press. Buku-buku karangan beliau seperti *'First Steps in Reading: A Teacher's Handbook for Using Starter Readers in the Primary School'*, *'Learning a Second Language Through Interaction'*, *'The Study of Second Language Acquisition'*, *'First Steps in Reading: A Teacher's Handbook for Using Starter Readers in the Primary School.'* digunakan sebagai buku teks utama di kebanyakan universiti dalam bidang pemerolehan dan tatabahasa bahasa kedua untuk program TESL dan linguistik.

Ellis (1997) menjelaskan bahawa kesalahan pelajar dapat membantu pengajar atau pengkaji bahasa dari semasa ke semasa. Beliau menjelaskan, *"Classifying errors in these ways can help us to diagnose learners' learning problems at any stage of their development and to plot how changes in error patterns occur over time."*

Analisis Kesalahan Bahasa telah diperkenalkan oleh Pit Corder. Hasil penemuan Corder masih relevan sehingga ke hari ini. Analisis Kesalahan Bahasa Corder telah mencetuskan inspirasi untuk pengkaji-pengkaji bahasa untuk melakukan penerokaan yang mendalam dalam kajian bahasa termasuklah Ellis. Ellis (1994), menyifatkan sumbangan Corder sebagai, *"It was not until the 1970s that EA became a recognized part applied linguistics, a development that owed much to the work of Corder."*

Ellis (1997) membezakan kesalahan dan kesilapan melalui dua kaedah. Kaedah pertama adalah dengan memeriksa prestasi pelajar secara berterusan dari satu peringkat ke peringkat yang lain. Sekiranya penggunaan bahasa pelajar tidak seimbang, iaitu pelajar kadang kala menggunakan bahasa yang betul dan ada kala menggunakan bahasa yang salah, maka pelajar itu dikategorikan sebagai melakukan kesilapan. Namun demikian, jika pelajar mengulang kesalahan bahasa yang sama, pelajar sebenarnya melakukan kesalahan bahasa. Kaedah kedua adalah dengan mengarahkan pelajar mengenal pasti dan membetulkan kesalahannya. Jika pelajar berjaya mengenal pasti kesalahannya dan membetulkan, pelajar tersebut melakukan kesilapan. Jika pelajar gagal membetulkan kesalahannya, pelajar itu sebenarnya melakukan kesalahan bahasa.

Kajian-kajian lain dalam pembelajaran bahasa kedua menunjukkan bahawa pelajar bahasa kedua melakukan banyak kesalahan morfologi dan sintaksis (Ellis, 1997). Morfologi dan sintaksis adalah dua cabang bahasa yang utama selain semantik dan fonologi.

Ellis (1985), mencadangkan lima langkah menganalisis kesalahan bahasa seperti berikut;

- a) Mengumpulkan sampel kesalahan
- b) Mengenal pasti kesalahan
- c) Menjelaskan kesalahan
- d) Mengklasifikasikan kesalahan
- e) Menilai kesalahan

Ellis (2008) mengkategorikan kesalahan bahasa kepada ‘*omission*’, ‘*misinformation*’ dan ‘*misordering*’. Kesalahan penghilangan (*omission*) berlaku apabila pelajar menghilangkan bahagian utama dalam sesuatu ayat sehingga ayat menjadi tidak gramatis. Kesalahan bentuk (*misinformation*) adalah kesalahan penggunaan bentuk kata. Kesalahan susun (*misordering*) adalah penempatan kata-kata dalam urutan yang tidak betul.

Ellis (1997) menerangkan bahawa ‘*error*’ dan ‘*mistake*’ berbeza sama sekali. Menurutnya, *error* menggambarkan pengetahuan bahasa pelajar kerana gagal memahami sesuatu konsep bahasa. ‘*Mistake*’ pula adalah kesalahan yang hanya dilakukan sekali. ‘*Mistake*’ mungkin berlaku disebabkan kecuaiannya pelajar.

Corder

Stephen Pit Corder dilahirkan pada 6 Oktober 1918. Beliau meninggal dunia pada 27 Januari 1990. Pit Corder merupakan profesor linguistik terapan di Universiti Edinburgh, Scotland. Beliau merupakan pakar kajian kesalahan bahasa. Beliau memainkan peranan utama dalam perkembangan kajian linguistik terapan di England.

Pit Corder memulakan pendidikan awalnya di Sekolah Bootham iaitu di sebuah sekolah berasrama penuh. Ayahnya merupakan guru bahasa Inggeris. Beliau melanjutkan pengajiannya di Kolej Merton di Oxford. Kemudian, Corder menyambung pengajiannya di sekolah Great Ayton Friends. Corder pernah berkhidmat untuk British Council di Austria, Turkey, Jamaica dan Colombia. Di sana selain mengajar, beliau turut mereka bentuk sukatan pelajaran dan penyediaan bahan-bahan pengajaran. Pada tahun 1957, Corder menyambung pengajian peringkat diploma di Universiti Edinburgh dalam bidang linguistik terapan demi memenuhi permintaan British Council. British Council ingin menggunakan kepakaran Corder untuk pengembangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di seluruh dunia. Setelah tamat pengajian, Corder dihantar ke Nigeria untuk pembangunan bahan pengajaran Bahasa Inggeris untuk stesen televisyen Nigeria.

Pit Corder telah menghasilkan beberapa naskhah buku linguistik dan kesalahan bahasa. Sehingga kini, antara buku karangannya yang menjadi rujukan utama para pengkaji bahasa adalah;

‘An intermediate English Practice Book’, *‘The Significance of Learner’s’*, *‘Error Analysis and Interlanguage’*.

Corder merupakan Pengarah Sekolah Linguistik Terapan di Universiti Edinburgh. Salah satu sumbangan terbesar Corder adalah penubuhan Jabatan Linguistik Gunaan di Universiti Edinburgh pada tahun 1964. Corder menamatkan karier profesionalnya di Universiti Edinburgh.

Corder (1972), menyifatkan Analisis Kesalahan Bahasa sebagai;

“Dealing with the differences between the way people learning a language speaks and the way

adult native speakers of the language use the language”.

Pit Corder dalam bukunya, *‘Error Analysis and Interlanguage’* memperkenalkan idea pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing adalah sesuatu yang sentiasa berkembang. Perkembangan ini dapat dikaji dengan menganalisis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dari semasa ke semasa. Kesalahan ini harus dilihat sebagai tanda perkembangan bahasa yang positif dan bukannya kekurangan (Corder, 1981) Idea ini berjaya dikembangkan oleh Selinker pada tahun 1972 dengan memperkenalkan konsep *‘Interlanguage’* atau ‘Bahasa Antara’.

Corder (1967) menjelaskan bahawa kesalahan penting kepada pengajar, pelajar dan pengkaji bahasa. Pengajar dapat mengukur serta menilai perkembangan prestasi pelajar ketika proses pembelajaran. Pengkaji bahasa pula dapat mengkaji cara-cara pemerolehan bahasa serta strategi-strategi yang digunakan oleh pelajar ketika mempelajari sesuatu bahasa. Para pelajar yang mempelajari bahasa pula dapat mengetahui kesalahan bahasa mereka dan belajar daripada kesalahan bahasa tersebut.

Kesalahan pemindahan berkait rapat dengan gangguan bahasa ibunda. Corder (1971) menerangkan bahawa gangguan bahasa ibunda berlaku apabila tabiat bahasa seperti bentuk bahasa, sistem bahasa atau hukum bahasa pertama pelajar mengganggu atau menghalangnya daripada memperoleh bentuk, sistem atau hukum dalam bahasa kedua.

Menurut Corder (1973), kesalahan dalam pembelajaran bahasa kedua dapat dikategorikan kepada;

- a) pengguguran unsur-unsur yang perlu
- b) penambahan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat
- c) pemilihan unsur yang tidak tepat
- d) penyusunan unsur yang salah

Namun demikian, Corder (1981) tidak membataskan kesalahan bahasa kepada empat kategori sahaja sebaliknya kesalahan morfologi, sintaksis dan leksikon juga berlaku dalam pembelajaran bahasa kedua.

Menurut Corder (1981), lima langkah Analisis Kesalahan Bahasa adalah;

- a) kumpul kesalahan bahasa
- b) kenal pasti kesalahan bahasa
- c) memerihalkan kesalahan bahasa
- d) menjelaskan kesalahan bahasa
- e) menilai / membetulkan bahasa

Pit Corder (1967) memperkenalkan enam konsep penting yang menjadi kerangka Teori Analisis Kesilapan. Antara konsep tersebut ialah pemerolehan bahasa kedua adalah pengaruh daripada perkembangan bahasa ibunda (bahasa pertama), peringkat kecekapan pelajar yang dilihat secara keseluruhannya, faktor intralingual dan interlingual, proses pembinaan kreatif, bahasa antara, sistem dalam bahasa antara.

Umumnya Corder (1981) mendefinisikan kesilapan bahasa sebagai bentuk-bentuk pertuturan yang menyimpang atau menyalahi bentuk-bentuk pertuturan penutur jati. Tegasnya, kesilapan bahasa adalah sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur jati yang terpelajar. Kesilapan ini merangkumi aspek tatabahasa, ejaan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya.

Pit Corder memperkenalkan Teori Analisis Kesalahan Bahasa. Teori ini digunakan untuk mengkaji kesalahan bahasa yang dilakukan oleh seseorang. Kesalahan bahasa adalah bentuk

penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa baku. Kesalahan bahasa merangkumi kesalahan tatabahasa, ejaan, sebutan dan istilah. Corder (1981) membahagikan kesalahan bahasa kepada keliru (*mistake*), kesilapan (*lapses*) dan kesalahan (*error*).

'*Lapses*' adalah penyimpangan pemakaian bahasa yang terjadi akibat peralihan topik perbincangan penutur kerana penutur beralih cara menyatakan sesuatu sebelum keseluruhan ayat dinyatakan selengkapnya. Kesalahan ini dalam bahasa lisan dikenali sebagai '*slip of tongue*'. Kesalahan ini terjadi secara tidak sengaja dan pengguna bahasa tidak menyedari kesilapannya. '*Mistake*' merupakan penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku kerana pemakai tidak menggunakan bahasa secara tepat ketika bercakap atau menulis mengikut situasi. Kesalahan ini bukan disebabkan pemakai tidak menguasai bahasa kedua. '*Error*' pula merupakan penyimpangan pemakaian bahasa dari struktur baku kerana pemakai belum menguasai tatabahasa. Selain itu, '*error*' juga berlaku apabila penutur yang mahir dan telah menguasai tatabahasa bahasa pertama menggunakan aturan tatabahasa tersebut dalam bahasa kedua.

Selinker

Larry Selinker ialah Profesor Emeritus dalam bidang linguistik Universiti Michigan di Amerika Syarikat. Beliau pernah menyandang jawatan Pengarah Institut Bahasa Inggeris di universiti tersebut. Pada tahun 1972, Selinker telah memperkenalkan konsep '*Interlanguage*' atau Bahasa Antara. Konsep ini dibangunkan berdasarkan konsep analisis kesalahan bahasa dalam pemerolehan bahasa kedua yang telah diperkenalkan oleh Pit Corder berkelulusan Sarjana Muda Sastera dari Universiti Brandeis dalam bidang kajian Near-Eastern. Pada tahun 1960, beliau memperoleh Ijazah Sarjana dari Universiti American dalam bidang linguistik. Pada tahun 1966, Selinker menerima Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Georgetown, Amerika Syarikat.

Setelah menamatkan pengajian peringkat Doktor Falsafah, Selinker ditawarkan jawatan sebagai penolong profesor dalam bidang linguistik di Universiti Washington. Selain menjawat jawatan sebagai Pengarah Bahasa Inggeris, beliau turut mengajar Bahasa Inggeris kepada pelajar asing di Universiti Washington. Pada tahun 1968 hingga 1969, beliau dilantik sebagai Sarjana Fulbright di Universiti Edinburgh dalam bidang psikolinguistik pemerolehan bahasa kedua. Pada tahun 1975, beliau menerima biasiswa Fulbright untuk menyambung pengajian di Universiti Jerusalem dalam pengkhususan kajian bahasa kedua. Selinker menamatkan karier akademiknya di Universiti Michigan pada tahun 1993.

Sumbangan utama Selinker dalam bidang kajian pemerolehan bahasa kedua adalah konsep '*Interlanguage*' atau bahasa antara. Beliau memperkenalkan konsep bahasa antara pada tahun 1972 melalui pembentangan kertas kerja berdasarkan artikel Pit Corder yang bertajuk, '*The Significance of Learners' Errors*'. Walaupun kertas ini menjadi dasar utama penulisannya, namun Selinker berjaya mengemukakan beberapa hujah baru tentang pemerolehan bahasa. Bahasa Antara muncul daripada bidang ilmu Analisis Kesilapan dan Analisis Kontrastif yang gagal menjelaskan kesilapan bahasa kedua secara menyeluruh, sistematik dan sempurna. (Al-Khresheh, 2015; Puteri Roslina, 1996 & 2004; Selinker, 1972; Tarone, 2006).

Menurut Selinker (1969), '*Interlanguage*' atau Bahasa Antara adalah sistem bahasa yang dihasilkan daripada pemerolehan bahasa kedua penutur dewasa sebagai hasil percubaan untuk menyampaikan makna dalam bahasa yang dipelajarinya. Bahasa Antara merujuk kepada bahasa pertama penutur dan bukannya bahasa kedua penutur. Bahasa Antara lahir daripada proses pemerolehan bahasa kedua seorang penutur. Bahasa Antara tergolong dalam disiplin ilmu Linguistik Gunaan dan Bahasa Antara penting dalam kajian pemerolehan bahasa kedua sejak

konsep ini diperkenalkan oleh Selinker (Song, 2012). Menurut Tarone (2006), Bahasa Antara berperanan penting dalam pembangunan bidang penyelidikan dalam pemerolehan bahasa kedua (Second Language Acquisition.)

Selinker (1972), menyenaraikan lima keadaan yang mengakibatkan kesalahan bahasa. Antaranya;

- a) pemindahan bahasa (*language transfer*). Kesalahan ini terjadi kerana pemindahan unsur-unsur bahasa pertama ke dalam bahasa kedua.
- b) pemindahan latihan (*transfer of training*). Kesalahan ini berlaku kerana kaedah pembelajaran bahasa yang tidak betul.
- c) strategi pembelajaran (*strategies of second-language learning*). Kesalahan ini akibat strategi bahasa kedua yang tidak betul.
- d) strategi komunikasi (*strategies of second-language communication*). Kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar bahasa yang berkomunikasi dengan penutur jati.
- e) generalisasi melampau (*overgeneralization*). Kesalahan ini terjadi kerana generalisasi kaedah bahasa target yang digunakan secara berlebihan.

KESIMPULAN

Ellis, Corder dan Selinker sebulat suara mengakui bahawa kesalahan bahasa tidak dapat dielakkan dalam pembelajaran bahasa. Pelbagai faktor mempengaruhi kesalahan bahasa penutur jati dan bukan jati. Kesalahan yang dilakukan penutur bahasa pertama dan bahasa kedua adalah tidak sama walaupun kelihatan seakan-akan serupa. Namun demikian, faktor-faktor kesalahan bahasa serta cara penganalisan kesalahan bahasa yang diperkenalkan oleh ketiga-tiga sarjana ini adalah berbeza. Tuntas kesalahan bahasa dalam pertuturan dan penulisan telah membuka ruang kepada lebih banyak kajian ilmiah dan pelbagai penemuan baharu yang memperkaya bidang kajian bahasa.

RUJUKAN

- Al-Khresheh, M.H. (2015). A Review Study of Interlanguage Theory. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 4(3), 123-131.
- Corder, S. P. (1967). The Significance of Learner's Errors. *IRAL- International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 5(1-4), 161-170.
- Corder, S. P. (1971). Idiosyncratic Dialects and Error Analysis. *IRAL- International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 9(2), 147-159.
- Corder, S. P. (1973). *Introducing Applied Linguistics*. Baltimore: Penguin Education.
- Corder, S. P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford University Press.
- Corder, S.P. (1983). *Strategies of Communication*. In C. Faerch & G. Kasper (Eds), *Strategies in Interlanguage Communication* (pp. 15-19). London: Longman.
- Corder, S.P. (1987). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford, Oxford University Press.
- Corder. S. Pit. 1981. *Error Analysis and Interlanguage*. London: University Press.
- Corder. S. Pit. 1981. *Error Analysis and Interlanguage*. London: University Press.
- Ellis, R. (1985). *The L1 = L2 Hypothesis: A consideration*. *System*, 13(9), 9-24.
- Ellis, R. (1994). *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Ellis, R. (1997). *SLA Research and Language Teaching*. Oxford: Oxford University Press.

- Ellis, R. (2008). *The Study of Second Language Acquisition (2nd ed.)*. Oxford: Oxford University Press.
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (1996). *Bahasa Antara Sebagai Hasil Pembelajaran Bahasa Kedua*. Rampak Serantau, 3, 180-193.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2004). *Bahasa Antara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Selinker, L. (1969). Language Transfer. *General linguistics*, 9(2), 67.
- Selinker, L. (1972). Interlanguage. *IRAL-International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 10(1-4), 209-232.
- Selinker, L. (1972). Interlanguage. *IRAL-International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 10(1-4), 209-232.
- Song, L. (2012). On the Variability of Interlanguage. *Theory and Practice in Language Studies*, 2(4), 778- 783.
- Tarone, E. (2006). *Interlanguage*. In K. Brown (Ed.), *Encyclopedia of Language and Linguistics (2nd ed.)*, 5, (pp. 747-752). Oxford: Elsevier.